


Klerus, kaum awam:

Gandingan mantap membangun gereja sinodal



VATIKAN: Kaum awam bukan untuk melayani para paderi atau Uskup, sebaliknya berjalan bersama para klerus demi meneruskan misi Gereja,” kata seorang kardinal semasa menyampaikan sesi dalam konferensi berkaitan kaum awam, baru-baru ini.

Seramai 210 peserta dari 74 negara: 107 orang awam, 36 paderi dan 67 uskup menghadiri konferensi “Paderi dan umat awam dipanggil berjalan bersama” di Dewan Sinode Vatikan pada Februari 16-18 lalu.

Konferensi yang dianjurkan oleh Dikasteri untuk Kaum Awam itu bermatlamat membangun Gereja Sinodal dengan mempromosikan gereja yang mendengar satu sama lain dan bekerjasama untuk

mewartakan Injil serta mencari jawapan: Bagaimana klerus dan umat awam dapat berjalan bersama?

Sebagai Katolik yang dibaptis, “kita semua bertanggungjawab terhadap gereja,” kata Kardinal Kevin. J Farrel, ketua Dikasteri untuk Kaum Awam.

Ketika Kristus berkata, “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa, Putera dan Roh Kudus...” (Mat 28: 19), ini bukan ditujukan kepada para paderi sahaja tetapi semua orang,” ujar Kardinal Farrel.

Tambahnya, “Selalunya, orang berfikir firman Tuhan hanya dalam Gereja. Sabda Tuhan harus keluar dari lingkungan Gereja, diwartakan melalui pekerjaan dan rutin kehidupan kita, sama ada kita pelajar, doktor, guru, jururawat, wartawan, profesor ... dan ini memerlukan kerjasama di antara kaum awam dan paderi.”

Langkah pertama dalam membina gereja

Seorang paderi memberkati dan mengutus kaum awam yang dilantik menjadi Katekis Paroki di Gereja Holy Rosary, Limbahau Sabah pada Hari Minggu Kateketikal yang lalu.

sinodal, katanya, adalah berhenti melaksanakan kaum awam sebagai wakil untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu.

“Ini umpama kita memberikan kaum awam tugas tertentu, selepas tugas itu selesai, ia berakhir begitu sahaja.”

“Kaum awam dapat menjadikan kehidupan Gereja lebih baik. Galakkan penglibatan mereka dalam pembuatan keputusan atau kewangan,” kata Kardinal Farrel pada akhir sesinya.

Kardinal Gérald Lacroix dari Quebec, yang merupakan salah seorang penceramah utama, mengatakan, apabila seorang paderi melihat seorang umat yang selalu ke Gereja, paderi itu mungkin bertanya kepadanya, “Adakah anda mahu menjadi pewarta? Atau, “Adakah kamu mahu menyertai Majlis Pastoral Paroki, atau Katekis?” — ini memang baik tetapi sebagai

paderi, adalah lebih baik jika kita menggalakkan kaum awam ini berkarya di luar Gereja, bukan di dalam Gereja sahaja.”

“Kaum awam mempunyai peranan dalam kehidupan paroki namun paderi dan uskup perlu membimbing mereka agar Injil dapat disebarkan melalui pekerjaan, kehidupan keluarga mereka, kebajikan dan penglibatan sosial mereka serta tidak menyekat bakat dan karunia mereka dalam satu pelayanan atau tertumpu dalam Gereja sahaja,” ujar Kardinal Gérald.

“Agar kita dapat membina Gereja Sinodal, para paderi dan Uskup harus menerima kaum awam yang dipanggil oleh Tuhan untuk berjalan bersama, mengikut bakat dan panggilan mereka, dengan rendah hati, berkongsi tujuan misi dan memikul tanggungjawab untuk kebaikan masyarakat Kristian,” kata Kardinal Farrell. — *CNS*

Sri Paus Fransiskus hantar bantuan segera ke Turki, Syria



TAKHTA SUCI: Berikutan bencana gempa bumi yang melanda Syria dan Turki pada Februari 6, Sri Paus Fransiskus berulang kali memohon sokongan konkrit dan solidariti dari masyarakat antarabangsa, agar membantu mengurangkan penderitaan para mangsa.

Sembilan hari selepas gempa bumi kuat, angka kematian yang semakin meningkat telah mencecah 41,000. Berjuta-juta orang telah kehilangan rumah dan mata pencaharian.

Semasa doa Angelus, pada Februari 12 lalu, Sri Paus Fransiskus mengatakan bantuan amal kepausan disalurkan oleh Dikasteri untuk Amal Kebajikan yang sekarang ini sedang diagih-agihkan kepada mereka yang memerlukan.

Menyusul selepas seruan Sri Paus Fransiskus, *Pontifical Mission Societies* (PMS)

mengerakkan jaringan mereka yang terdiri dari para paderi misionari, biarawati dan kaum awam untuk memberi bantuan segera kepada para mangsa gempa bumi di Turki dan Syria.

“Situasi di Aleppo hari ini sangat menyedihkan. Ini adalah bencana besar. Kami dikelilingi oleh kekacauan dan kehancuran,” kata Uskup Mounir Sacca, direktor nasional PMS di Syria dan Vikaris Jeneral Gereja Katolik Siro di Aleppo.

“Bantulah kami agar umat Kristiani kami yang tetap tinggal di sini, untuk melestarikan ‘tempat lahir’ Kristian.

Kami mohon doa yang sungguh-sungguh, agar kami memiliki kekuatan untuk memberikan bantuan kepada umat kami, agar mereka dapat menemui kembali harapan dan iman yang lebih baik,” ujar Uskup Mounir. — *media Vatikan*

Ketika pistol diajukan di kepala kita

Lebih setengah abad yang lalu, Flannery O'Connor menulis cerita pendek, *A Good Man is Hard to Find* (Lelaki baik sukar ditemui).

Salah satu watak utama dalam cerita ini ialah seorang wanita tua yang sukar, degil, dan tidak seberapa bahagia. Dalam perjalanan ke Florida bersama keluarganya, dia sentiasa merungut dan mengeluh.

Kemudian, di atas kelalaiannya, mereka mengalami kemalangan jalan raya dan kereta mereka terhenti. Ketika itu, seorang banduan yang melarikan diri (*Misfit*) bertembung dengan mereka dan membunuh seluruh keluarga.

Sebelum wanita itu ditembak, dia yang sudah tua dan tidak gembara, berasa takut akan kehilangan nyawanya. Dia menyentuh Misfit dan mempunyai masa yang tenang dengannya.

Setelah membunuhnya, Misfit mengatakan, dia akan bertukar menjadi wanita yang baik, jika ada seseorang cuba menembaknya setiap minit dalam hidupnya.

Saya berpendapat, semua akan menjadi orang yang lebih baik jika senjata diajukan kepada kita pada setiap minit kehidupan.

Saya sendiri pernah mengalami kejadian ini, di mana saya pernah cuba ditembak, dan pada ketika itu, saya menjadi orang yang lebih baik ketika nyawa saya terancam. Inilah cerita saya:

Dua belas tahun yang lalu, saya didiagnosis dengan kanser.

Prognosis awal adalah baik (pembedahan dan kemoterapi maka kanser akan sembuh). Buat seketika, ia berita baik.

Walau bagaimanapun, tiga tahun kemudian, walau tidak diingini, barah itu kembali lagi.

Kali ini prognosis tidak baik. Ahli onkologi saya, yang saya percayai, berkongsi bahawa keadaan itu serius.

Kemoterapi akan dicuba lagi; Tetapi dia menegaskan, kecuali dengan ada mukjizat, rawatan ini tidak akan berkesan dan lebih mencadangkan rawatan paliatif kerana tidak ada harapan untuk sembuh.

Meskipun dia menyampaikan pesan itu dengan jelas dan baik, tetapi pada ketika itu, saya merasakan doktor itu seperti seorang penembak.

Kata-katanya, "Anda mempunyai kira-kira tiga puluh bulan untuk hidup!" – adalah satu tembak kepada saya.


Seperti yang anda boleh teka, ini tidak mudah diterima bagi saya. Saya berjuang untuk menerima hakikat

Akhirnya, saya menulis sebuah doa kredo untuk diri saya sendiri tentang bagaimana saya akan cuba hidup dalam tempoh dua tahun itu. Inilah kredo tersebut:

Saya akan berusaha untuk menjadi sihat selagi saya boleh.

Saya akan berusaha untuk menjadi produktif selagi saya boleh.

Saya akan membuat setiap aktiviti dan setiap hari yang dilalui



sebagai berharga dan menyeronokkan selagi mampu.

Saya akan berusaha untuk orang yang lebih baik, hangat, dan beramal sebanyak mungkin.

Saya akan berusaha untuk menerima kasih orang lain dengan cara yang lebih mendalam daripada yang saya ada sekarang.

Saya akan berusaha untuk menjalani "kehidupan berdamai" yang lebih lengkap. Tiada ruang untuk mengeluh akan kelemahan masa lalu.

Tidak lagi.

Saya akan berusaha untuk mengekalkan rasa humor saya dengan utuh.

Saya akan berusaha untuk menjadi berani dan segagah yang boleh.

Saya akan berusaha, sentiasa, untuk tidak pernah menyesal apa yang saya kalah, tetapi untuk melihat betapa indah dan bermaknanya hidup saya.

Dan, saya akan, setiap hari, meletakkan semua ini di kaki Tuhan melalui doa.

Selama beberapa bulan saya berdoa kredo ini dengan sungguh-sungguh, setiap hari tanpa gagal, cuba menghidupi setiap prinsipnya. Walau bagaimanapun, hasil rawatan kemoterapi adalah di luar jangkaan kami. Hasilnya sangat berkesan.

Selepas lima bulan rawatan, semua tanda-tanda kanser hilang, saya sihat semula dan pakar onkologi saya optimis bahawa, mungkin, diagnosisnya dahulu terlalu teruk dan dengan beberapa sesi kemoterapi, saya mungkin dapat menikmati hidup ini lebih lama. Dan, inilah yang saya lakukan sepanjang tujuh tahun ini.

Walau bagaimanapun, setelah tujuh tahun selepas kanser saya berulang, saya berasa sihat dan optimis, tanpa penembak di sisi saya dan saya mulai kurang kerap mendoakan kredo saya.

Dan walaupun kredo itu sudah tertanam dalam diri saya, tabiat lama saya mula kembali seperti yang digambarkan dalam doa Sto Augustine (*Jadikan saya seorang Kristian yang lebih baik, Tuhan, tetapi bukan sekarang!*).

Kehilangan perspektif, ketidak-sabaran, berasa kasihan pada diri, rungutan berpanjangan dan tidak

menghargai rahmat dalam hidup – mula meresap kembali ke dalam hidup saya.

"Penembak" muncul semula dua tahun lalu dengan satu lagi penyakit kanser.

Pada mulanya prognosis itu teruk (saya hanya ada tiga puluh bulan untuk hidup dan harus menjalani kemoterapi sepanjang hayat saya).

Maka saya mula berdoa kredo itu sekali lagi, setiap hari dengan tekun dan sungguh-sungguh.

Walau bagaimanapun, rawatan baru itu tanpa disangka-sangka menawarkan masa depan yang lebih lama dan, tanpa penembak di sisi, kredo itu sekali lagi mula kehilangan kuasa dan tabiat lama saya yang tidak sabar, tidak bersyukur, dan suka mengeluh, mula kembali dalam diri saya.

Saya sangat berterima kasih atas tahun-tahun selepas kanser yang diberikan oleh Tuhan dan perubahan moden kepada saya. Kanser telah menjadi hadiah yang banyak mengajar saya.

Setelah dibebritahu bahawa saya hanya ada tempoh enam bulan, saya mula menghargai kehidupan, orang lain, kesihatan, alam semula jadi, gembira dengan perkara-perkara sederhana dan kerja saya, sesuatu yang tidak pernah saya syukuri sebelum ini.

Saya akan menjadi orang yang lebih baik, apabila seseorang cuba menembak saya setiap hari! — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Membangun iman dengan meneladani Yesus

Ketika Yesus dibaptis di sungai Yordan, Tuhan bersabda: "Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nya Aku berkenan (Mat 3:17)."

Meskipun demikian ternyata semasa Yesus berpuasa selama 40 hari di padang gurun, Dia mengalami tiga percubaan atau godaan yang berat untuk membuktikan ketaatan-Nya kepada Bapa, yang mengutus-Nya ke dunia ini untuk menyelamatkan umat manusia.

Roh Kudus membimbing Yesus, yang sesudah dibaptis pergi ke padang gurun untuk berhadapan dan bergulat dengan syaitan seorang diri atau sendirian.

Percubaan yang dihadapi-Nya merupakan cabaran yang bakal dialami-Nya semasa melaksanakan tugas pewartaan-Nya dalam masyarakat.

Yesus diutus Bapa untuk mendirikan Kerajaan Tuhan di dunia ini, tetapi Dia akan berhadapan dengan pelbagai bentuk kerajaan manusiawi atau duniawi, yang dibangun oleh manusia sendiri menurut keinginan dan perhitungan manusiawi dan duniawi melulu. Maka Yesus mengalami tiga jenis percubaan.

Percubaan pertama: Yesus diminta mengubah batu menjadi

roti.

Yesus menolak, sebab Dia tidak mau menggunakan kuasa-Nya untuk memperlihatkan bahawa Dia seolah-olah dapat hidup tanpa pertolongan Tuhan. Mengapa?

Kerana manusia ini dapat hidup bukan hanya dengan makan roti, melainkan kerana Tuhan menghendaki supaya kita ini hidup menurut kehendak-Nya!

Ertinya, mengikuti Yesus atau menjadi umat Kristian sejati berarti tidak mahu hanya hidup dengan bergantung dari benda-benda duniawi saja. Oleh itu, apabila kita terlalu bergantung pada hal-hal material, tanpa menyedarinya, kita jatuh dalam percubaan yang serius!

Percubaan kedua: Mencubai Tuhan dengan meminta-Nya membuktikan diri bahawa Dia putera Tuhan. Dengan tegas Yesus menolak untuk membuktikan kehadiran Tuhan dalam diri-Nya apabila syaitan menggoda-Nya untuk menjatuhkan diri-Nya dari atap Bait Tuhan ke bawah.

Yesus dengan tegas menolaknya, sebab Dia amat menghormati Bapa-Nya. Dia menolak setiap bentuk manipulasi atau percubaan terhadap Tuhan.

Yesus menolak setiap bentuk

kepalsuan dan kemunafikan. Jikalau kita sungguh menghormati Tuhan, kita tidak boleh mengarahkan-Nya untuk membuktikan diri-Nya.

Penghormatan sejati Yesus kepada Bapa-Nya dibuktikan-Nya dalam kerelaan dan kesediaan-Nya melaksanakan tugas perutusan-Nya, sampai rela menderita, dihukum mati dan mengorbankan diri untuk mati di kayu salib (lih. Mat. 26:39-53; 27:46).

Percubaan ketiga: Yesus menghadapi godaan melawan kepatuhan dan kesetiaan. Percubaan itu pada dasarnya merupakan cabaran untuk melawan pemujaan terhadap berhala/dewa-dewa (*idolatria*).

Dalam Perjanjian Lama godaan memuja berhala di Israel sangat kuat (lih. Ul. 6:13-14).

Dan sekarang, pada zaman moden ini orang dapat bertanya, apakah godaan itu aktual dan relevan?

Dahulu dunia romawi-yunani menghadapi kepercayaan kepada dewa-dewa yang berkuasa. Dalam masyarakat Yahudi tampil beberapa tokoh, yang ingin tampil sebagai almasih, yang bercita-cita mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Dan pada zaman kita sekarang, sikap

HARI MINGGU PRA-PASKAH 1 TAHUN A

KEJADIAN 2:7-9;3:1-7;

ROMA 5:12-19;

INJIL MATIUS 4:1-11.

'mendewakan' diri atau mementingkan diri, amat ketara.

Di tengah-tengah sikap 'mendewakan' hal-hal duniawi itulah Yesus lalu tampil.

Tetapi Yesus tampil dengan berjiwa dan bersikap patuh dan setia terhadap kehendak Tuhan yang mengutus-Nya. Kerana itu, sejak awal, Yesus tampil untuk melaksanakan kehendak Tuhan, iaitu untuk menyelamatkan umat manusia, sambil menghadapi syaitan-syaitan yang seperti dahulu dan masih hadir serta bergerak aktif di tengah-tengah masyarakat kita yang moden ini.

Yesus selalu menggunakan kekuatan Kitab Suci, ketika berhadapan dengan masyarakat yang ragu, dalam kegelapan, kebingungan, cabaran dan percubaan.

Kerana itu kita harus mengikuti teladan Yesus, agar kita tidak jatuh dalam kegelapan penipuan dan dosa.

Apa pesan Injil Matius pada

Hari Minggu Pra-Paskah pertama kepada kita sekarang ini?

Ada *tiga cabaran* atau percubaan yang harus kita hindari dalam menghayati hidup kita sebagai orang yang beriman kristiani:

Pertama: Jangan menyalahgunakan kuasa/kemampuan yang diberikan Tuhan kepada kita.

Kedua: Jangan mencubai Tuhan dengan kesombongan dan kemunafikan.

Ketiga: Jangan mendengarkan, memahami dan melaksanakan kehendak Tuhan secara tidak utuh, iaitu hanya demi kepentingan diri sendiri.

Kerana musim pantang dan puasa adalah suatu kesempatan berusaha untuk bertobat, maka terutama dalam masa prapaskah marilah kita kerap membaca, memahami dan merenungkan Mazmur 51, yang diucapkan Daud untuk bertobat. — **Msgr F.X. Hadisumarta O. Carm, imankatolik**

Kaum muda 'bergegas' hadiri Khemah Belia 2023



KENINGAU: Program terbesar untuk belia di Keuskupan Keningau, Khemah Belia bakal berlangsung di Paroki St Patrick Membakut pada bulan Ogos ini.

Pelancaran Khemah Belia Keuskupan Keningau telah dilancarkan oleh Uskup Cornelius Piong dalam Misa Kudus pada Februari 5 lalu di Gereja Roh Kudus, Sook.

Lebih kurang 150 perwakilan belia seluruh paroki dan mission Keuskupan Keningau menyaksikan pelancaran Khemah Belia Keuskupan Keningau keenam yang membawakan tema, "Maria bangkit dan bergegas pergi" (Lukas 1:39).

Turut membantu Uskup Cornelius di altar ialah Pembimbing Rohani Komisi Belia Keuskupan Keningau, Fr Ronnie Luni dan Paderi Paroki Roh Kudus, Sook, Fr Boni-

Para belia bergambar bersama para klerus semasa Pelancaran Khemah Belia yang bakal diadakan di Paroki Membakut pada Ogos ini.

face Kimsin.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius mengingatkan kaum muda identiti mereka sebagai saksi Yesus, mengingati peranan mereka sebagai terang dan garam dunia.

Prelatus itu menyeru belia yang sedang mempersiapkan diri menyertai KBK-6 agar menumpukan tiga hal utama iaitu: kesatuan dengan Yesus, kesatuan dalam tim dan melahirkan pelayanan sama seperti Yesus demi kemuliaan Tuhan kerana Dialah yang memampukan kita.

Ketua Keuskupan Keningau itu juga memperingatkan mereka agar, "Agar meneladani Bonda Maria, yang tidak mendiamkan Khabar Gembira, sebaliknya bangun dan bergegas melawat saudaranya Elisabet

yang sedang mengandung.

Ini menunjukkan kewibawaan Maria yang tidak bertangguh atau menunda pewartaan tentang Tuhan.

Ketegesaan Maria ini menunjukkan panggilan untuk menginjil adalah penting dan tidak dapat ditunda.

Ia merupakan ajakan untuk menjadi pembangun persahabatan dan persaudaraan serta gesaan untuk menjadi garam dan terang dunia.

Semoga semangat seperti ini ada pada kita dalam menjadi saksi membawa cahaya dan garam kepada dunia."

Koordinator Komisi Belia Keuskupan Keningau, merangkap Koordinator KBK 6, Sdra Roney Alfred dalam ucapannya ber-

harap agar KBK6 dapat menjadikan Bonda Maria sebagai bintang penginjil, agar kaum muda bergegas maju dan terus melangkah untuk berjumpa dengan yang memerlukan sentuhan kaum muda.

Pelancaran KBK-6 ini dimeriahkan dengan kehadiran perwakilan belia dari setiap Paroki dan Mission di Keuskupan Keningau telah berkampung lebih awal di Gereja Roh Kudus Sook sejak Februari 3, untuk menyertai Rekoleksi Awal Tahun Tim Pelayan Belia Keuskupan 2023.

Selepas tayangan video sedutan klip penganjuran KBK yang lalu, Uskup Cornelius memukul gong sebanyak enam kali yang menandakan pelancaran KBK-6. — *Caroline Liew*

Empat kumpulan bahasa kursus persiapan perkahwinan Katolik bergabung dalam satu retreat

PORT DICKSON: Para penceramah kursus persiapan Perkahwinan Katolik Hujung Minggu buat pertama kalinya diadakan dalam empat bahasa di Pusat IJ pada Februari 4-6 lalu.

Ia diadakan dalam empat bahasa agar para penceramah saling mengenali dan belajar antara satu sama lain.

Para peserta turut membawa anak-anak mereka yang menjadikan suasana retreat lebih kepada kekeluargaan dan pesahabatan.

Setiap kumpulan bahasa berkongsi pembentangan mereka, dan membincangkan perkara positif dan apa yang diperlukan

bagi penambahbaikan.

Selepas sesi sumbang saran (brainstorming), mereka ke pantai untuk berkelah dan bermain permainan dengan anak-anak mereka. Suasana persahabatan dan perbincangan diteruskan semasa makan malam.

Makan malam dan perbincangan ini kemudiannya diakhiri dengan doa rosari dalam empat bahasa.

Sebelum bersurai pada hari terakhir, Februari 6, para penceramah dari empat kumpulan bahasa ini bersetuju untuk saling 'melawat' pada program hujung mereka dan mencari solusi bagi meningkatkan



kualiti kursus persiapan perkahwinan.

Mereka juga terharu kerana Paderi Paroki Immaculate Conception, Fr Jestus Pereira

melawat mereka pada hujung minggu dan merancang untuk menganjurkan retreat ini secara tahunan.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Mengapa Yesus harus menderita demi menebus dosa manusia?

Soalan: Setiap kali mengikuti ibadat jalan salib, saya ikut merasakan penderitaan Yesus yang luar biasa. Tetapi, mengapa semua penderitaan itu diperlukan untuk menebus dosa kita? Apakah Tuhan sedemikian kejam membiarkan Anak-Nya menderita? — Sally

Jawaban: Pertama, perbuatan dosa Adam dan semua umat manusia adalah penghinaan terhadap Tuhan. Dosa Adam tidak mengakui Tuhan dan tidak menghormati Tuhan sehingga manusia terpisah dari pada Tuhan.

Selain itu, dengan berbuat dosa, manusia terpesok ke dalam kuasa dan penindasan setan, sehingga kehilangan martabat sebagai anak Tuhan dan menanggung hukuman kekal. Inilah hutang dosa manusia.

Menebus bererti mengenakan kerugian yang disebabkan oleh penghinaan dan memulihkan hubungan dengan Tuhan (atonement), atau "membeli kembali" dengan melakukan pembayaran, sehingga menghapus hukuman kekal dan memulihkan martabat sebagai anak Tuhan (*redemption*).

Kedua, kerana belas kasihan Tuhan, boleh sahaja Tuhan menempuh jalan pembebasan hutang tanpa tebusan, atau menerima kita kembali ke dalam persekutuan-Nya begitu sahaja. Tetapi kebijaksanaan Tuhan menuntut bahawa kebebasan manusia dan prinsip keadilan harus dijunjung tinggi.

Prinsip keadilan mengatakan, kerana manusia yang berdosa, maka manusia pulalah yang harus membayar hutang dosa itu.

Jika Tuhan membebaskan begitu sahaja pelanggaran itu, maka Tuhan akan merosak kebebasan manusia. Ini bererti, manusia yang telah mengenyam kenikmatan dosa dan melumuri seluruh diri dengan noda dosa, haruslah dimurnikan seluruh dirinya dari kenikmatan yang salah itu sekaligus dibersihkan seluruh dirinya dari lumuran dosa. Tindakan yang memadai untuk tujuan ini ialah penderitaan sukarela. Kenikmatan dosa yang sudah merasuki diri manusia hanya dapat dicabut bersih tuntas oleh penderitaan sukarela.

Di sinilah kita mengerti mengapa penderitaan hebat daripada Putera Tuhan di salib diperlukan dan menjadi penebusan bagi Adam dan semua manusia. Penderitaan sukarela ini juga yang membebaskan Adam dan semua manusia sesudahnya dari perhambaan syaitan.

Jadi, bukan Tuhan yang menghendaki dan "menyukai" penderitaan manusia, tetapi kedosaan manusia itu sendiri yang menuntut ada penderitaan untuk mengenakan hutang dosa. Kerana itu, kita tidak boleh mengatakan bahawa Tuhan menikmati penderitaan Yesus di salib. Tuhan bukanlah *masochist*.

Ketiga, mengapa harus Sang Sabda yang menjadi manusia, yang membayar hutang? St Tomas dan banyak teolog lain mengajar bahawa dengan

melakukan dosa, manusia telah melukai, menghinakan Tuhan yang tidak terbatas.

Ukuran penghinaan itu ditentukan oleh martabat peribadi yang dihina. Kerana sasaran dosa manusia adalah Tuhan yang tidak terbatas, maka hutang dosa itu juga menjadi tidak terbatas. Pelunasan hutang yang tidak terbatas ini hanya mungkin dilakukan peribadi yang tidak terbatas. Namun demikian, kerana yang melakukan dosa adalah manusia, prinsip keadilan menyatakan bahawa manusialah yang harus membayar hutang dosa itu.

Jadi, hutang dosa manusia hanya mungkin dilunaskan oleh seorang peribadi yang adalah Tuhan. Sebagai manusia, Dia akan bertindak mewakili seluruh umat manusia untuk melunasi hutang dosa, dan sebagai Tuhan, Dia dapat melakukan pelunasan hutang tidak terbatas itu. Inilah alasan mengapa harus Yesus Kristus yang melunasi hutang dosa kita.

Pelunasan hutang dosa oleh Yesus ini menunjukkan bahawa "Tuhan adalah kasih. Dalam hal inilah kasih Tuhan dinyatakan di tengah-tengah kita, iaitu bahawa Tuhan telah mengutus Anak-Nya yang tunggal ke dalam dunia, supaya kita hidup oleh-Nya." (1 Yoh 4:8-9). "Tuhan yang kaya dengan rahmat, oleh kerana kasih-Nya yang besar, yang telah dilimpahkan kepada kita, telah menghidupkan kita bersama-sama dengan Kristus, ..." (Ef 2:4-5). — *Fr Dr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,


Apa khabar? Selepas menerima abu pada hari Rabu Abu, kita sudah mulai menjalani masa Pra-Paskah.

Pada musim Pra-Paskah ini, antie yakin adik-adik tahu bahawa kita digalakkan untuk berpuasa, berpantang, melakukan amal, bertobat, berdoa dan banyak lagi.

Sepanjang musim ini, kita tidak akan mendengar lagu atau sebutan "Alleluia" sebaliknya paderi atau katekis akan lebih banyak mengajak kita untuk bertobat serta berdoa. Adik-adik, musim Pra-Paskah bukanlah masa yang 'gelap'. Tetapi ini adalah masa berkat bagi kita untuk menjalin hubungan erat dengan Tuhan.

Pada musim cuti sekolah ini, bacalah Kitab Suci, kurangkan bermain "game" dan lebihkan membantu ibu bapa, okay?

Antie Melly



1

2

3


Apakah TIGA godaan yang Yesus hadapi di padang gurun? Tuliskannya mengikut susunan yang betul.

"Semua itu (kerajaan dunia dan kemegahannya) akan kuberikan kepada-Mu, jika Engkau sujud menyembah aku."

"Jika Engkau Anak Tuhan, jatuhkanlah diri-Mu ke bawah ...sebab Tuhan akan menghantar malaikat-Nya agar kaki-Mu tidak terantuk kepada batu."

"Jika Engkau Anak Tuhan, perintahkanlah supaya batu-batu ini menjadi roti."

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.



MARI SELESAIKAN KOD RAHSIA

E ☹️
I ✚
A ✌️
U 🎵



K _ S I H K _ R U N _ A T _ H A N

✌️ ✌️ ✚ 🎵
M E N Y _ R T A _ K A M _
☹️ ✚ 🎵

(Wahyu 22: 21)

YESUS MENGALAHKAN IBLIS DENGAN FIRMAN TUHAN !

Enyahlah, Iblis! Sebab ada tertulis: Engkau harus menyembah Tuhanmu dan hanya kepada Dia sajalah engkau berbakti! Lalu Iblis meninggalkan Dia, dan lihatlah, malaikat-malaikat datang melayani Yesus (Mat 4: 10-11).

BELIA MILENIUM

MAHASISWA BANGUNKAN KESATUAN, SENTIASA BERPIHAK ORANG MISKIN

KUALA LUMPUR: Bagi 14 mahasiswa Persekutuan Pelajar Katolik Universiti Nottingham Malaysia (CSS-UNM), yang menghadiri kem tahunan mereka yang diadakan baru-baru ini di *Archdiocesan Pastoral Centre* di Kuala Lumpur, ia sememangnya satu pengalaman iman yang tidak dapat dilupakan, di samping merasai sukacita dalam persahabatan.

Kem ini mengupas pelbagai kaedah di mana mahasiswa yakin dapat maju dalam fasa pasca pandemik, dengan menumpukan pembaharuan hubungan iaitu dengan diri sendiri, Tuhan, keluarga dan sesama.

Sdra Martin Jalleh, seorang penceramah, motivator dan pembimbing rohani yang berpengalaman selama 40 tahun, mengendalikan kem ini dengan sesi-sesi katekesis, refleksi peribadi, aktiviti berkumpulan dan doa.



Kem tahunan CSS-UNM membantu para mahasiswa untuk membangun kembali hubungan dengan Tuhan, keluarga dan sesama.

Selain daripada pengetahuan diri dan kesedaran, Martin Jalleh menyentuh topik seperti harga diri, sikap positif dan cara komunikasi.

Dalam menemui semula cinta Tuhan, para

peserta disegarkan dengan pemahaman tentang cinta Tuhan yang disampaikan oleh Martin — Tuhan yang mencari kita (bukannya kita mencari Tuhan; Tuhan adalah Pemberi bukan Peragut dan Tuhan itu suka berjenaka

dan tertawa)!

Bagi kebanyakan peserta, sesi *Penyembuhan Batin* adalah kemuncak acara kem tahunan tersebut di mana mereka mengalami belas kasihan Tuhan. Para pelajar juga berasa begitu diberkati dan dijajah melalui Sakramen Maha Kudus yang dipimpin oleh Fr Eugene Benedict

Bagi melengkapkan pengalaman penyembuhan dan pertemuan peribadi mereka dengan Kerahiman Ilahi, mereka juga diberi Sakramen Pengakuan yang dipimpin oleh Fr Michael Chua dan Fr Bonaventure Rayappan.

Kem ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Eugene Benedict yang menyeru para mahasiswa ini untuk menjadi garam dunia dan terang bumi walau di mana pun mereka berada.

KAUM MUDA ADALAH GARAM DAN TERANG BUMI DI TENGAH MASYARAKAT



Kaum muda yang terlibat dalam pelayanan belia, berhimpun di Sook bagi menghadiri rekoleksi, setelah dua tahun tertangguh akibat pandemik Covid-19.

SOOK: “Kuatkan dan teguhkan hati” tema bagi rekoleksi Tim Pelayanan Belia Keuskupan Keningau (TPBK) membayangkan langkah berani mereka untuk bangkit semula selepas pandemik Covid-19.

Lebih 150 orang wakil belia dari lapan paroki dan satu mission, menyertai rekoleksi yang diadakan di Gereja Roh Kudus, Sook pada Februari 3-5 lalu.

Rekoleksi ini dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Pembimbing Rohani Komisi Belia Keuskupan Keningau, Fr Ronnie Luni.

“Seperti Yosua yang meskipun masih muda, dia tetap bertahan dan setia dalam pelayanannya kepada Tuhan, kerana Tuhan telah berjanji untuk mengharungi semua cabaran bersama

dengannya.

“Begitu juga dengan kita semua, kita harus ada keyakinan bahawa Tuhan akan bersama dengan kita apa pun cabaran yang kita hadapi,” kata Fr Ronnie.

Selepas Misa Kudus dan sesi suai kenal, Koordinator Komisi Belia Keuskupan Keningau, Sdra Ronnie Alfred mengajak para belia untuk bangun semula dalam pelayanan khususnya selepas pandemik dalam sesi ‘Bangkit’.

Pada hari kedua, melalui sesi “Kepimpinan Belia” oleh Sr Liza Jamat FSIC, belia diajak untuk meneladani kepemimpinan Yesus.

Sr Liza mendorong para belia agar menjadi berkat penyembuh kepada sesama khususnya kaum muda yang merasa terabai, putus asa mahupun

dalam kelukaan batin.

Sesi yang bertajuk, “Komunikasi Belia” oleh Sdra Roney menutup sesi pagi untuk hari kedua. Sesi ini menjelaskan bahawa perkara utama yang memecahbelahkan kesatuan belia bukanlah kerana kelemahan ciri kepimpinan sebaliknya kurangnya komunikasi yang jelas.

Sering berlaku, di mana mesej yang disampaikan oleh pemimpin tidak diterima sepenuhnya oleh belia, yang akhirnya menjadi pesan yang ditokok tambah sehingga bertukar kepada gosip semata-mata.

Oleh itu para belia disaran untuk lebih fokus dalam mendengar mesej yang disampaikan dan hanya menyampaikan maklumat benar.

Di sebelah petang, kemuncak re-

koleksi bermula dengan pelbagai permainan yang bukan sahaja menghiburkan tetapi menguji kepimpinan, komunikasi dan ketajaman pemikiran para belia dalam menyelesaikan masalah. Hari kedua rekoleksi ditutup “Malam Budaya” yang dipenuhi sorakan dan sukacita.

Rekoleksi ini menutup tirainya dengan Misa Kudus dan Pelancaran Khe-mah Belia Keuskupan Keningau kali keenam (KBK6) oleh Uskup Cornelius Piong.

KBK6 merupakan salah satu program besar belia di Keuskupan Keningau.

Tuan rumah bagi KBK6 ialah Paroki St Patrick Membakut yang bakal berlangsung pada bulan Ogos 27-31, 2023.

— *Juanis Markus*

Bapa Suci dukacita terima berita klerus dihukum penjara

ROMA: Beberapa hari setelah Uskup Matgalpa, Msgr. Rolando Álvarez di Nicaragua dijatuhi hukuman 26 tahun penjara, Sri Paus Fransiskus menyatakan keprihatinan atas berita dan keadaan prelatus itu.

Setelah Doa Angelus di Dataran Santo Petrus pada Februari 12, Sri Paus Fransiskus mengatakan dia "terluka" oleh berita yang diterima dari Nicaragua dan mengikuti "dengan keprihatinan" situasi Uskup Álvarez, yang telah ditangkap pada Ogos tahun lalu oleh rejim Daniel Ortega.

Uskup Alvares dijatuhi hukuman pada Februari 10 dan kewarganegaraannya telah ditarik balik.

Bapa Suci berdoa dengan perantaraan Bunda Maria untuk membuka hati "ahli-ahli politik yang bertanggung jawab dan semua warga negara" untuk perdamaian, yang menurutnya boleh dicapai melalui "dialog yang sabar."

Uskup Álvarez berperanan penting dalam usaha perdamaian kerajaan Nicaragua dan penunjuk perasaan pada tahun 2018.

Tidak lama kemudian, berlaku gelombang rusuhan sivil yang

meragut 360 nyawa. Ortega, yang berkuasa sejak 2007, mula menuduh uskup dan Gereja mahu menggulingkannya.

Meskipun Uskup Alvarez termasuk dalam senarai untuk dideportasi ke Amerika Syarikat, namun Uskup itu menolak meninggalkan Nicaragua.

222 tahanan politik dari Nicaragua dideportasi ke Amerika Syarikat pada Februari 9, termasuk lima orang paderi, seorang diakon, dua orang seminarian dan dua orang kakitangan Keuskupan Matagalpa.

Selepas kumpulan itu didepor-

tasi, Uskup Álvarez dihukum di atas kesalahan pengkhianatan dan merosak integriti bangsa, yang mengakibatkan hukuman penjara 26 tahun.

Sebelum itu, Uskup itu telah menjadi tahanan rumah sejak Ogos tahun lalu.

Penangkapan Uskup itu kemudian disusuli dengan tindakan mengusir para biarawati dari Kongregasi Misionari Cinta Kasih yang didirikan Ibu Teresa dan Uskup Agung Waldemar Stanislaw Sommertag, Duta Besar Vatikan untuk Nicaragua.



Gambar file yang diambil pada Mei 20, 2022, di mana Uskup Rolando Álvarez berbicara kepada para wartawan di Gereja Santo Cristo de Esquipulas, Managua.

Pada Ogos lalu, Sri Paus Fransiskus secara terbuka menyerukan dialog untuk menyelesaikan ketegangan antara Gereja dan pemerintah Nicaragua tetapi tidak secara khusus menyebut penangkapan Uskup Álvarez. — CNA

Keuskupan Vietnam 'ribut' kerana skandal pentahbisan

VINH, Vietnam: Keuskupan Vietnam 'ribut' kerana skandal pentahbisan seorang paderi.

Seorang uskup Katolik di Vietnam tidak mengakui seorang paderi yang ditahbiskan di Filipina kerana kelayakannya diragui dan pernah dipenjarakan akibat kes rasuah.

Uskup Vinh, Msgr. Alfonse Nguyen Huu Long di Vietnam tengah mengeluarkan kenyataan pada Februari 10, yang membantah pentahbisan Fr Yohanes Baptista Ho Huu Hoa (gambar).

Fr Yohanes telah ditahbis tiga bulan lalu oleh Uskup Maasin, Msgr. Precioso D. Cantillas di Filipina.

Uskup Alfonse mengatakan dia "terkejut" dengan pentahbisan Yohanes Hoa. Prelatus itu meminta dokumen pentahbisan Fr Yohanes agar dia dapat melayani sakramen secara sah.

"Tetapi sejauh ini saya belum menerima dokumen daripada Yohanes atau Keuskupan Maasin," kata Uskup Alfonse.

Pentahbisan Fr Yohanes, 38, berlaku setelah setahun dia dibebaskan dari penjara dan menu-



rut laporan lokal, tidak ada bukti kukuh bahawa beliau pernah mengikuti pendidikan teologi wajib selama empat tahun di seminari.

"Mengapa Keuskupan Maasin mentahbis seseorang yang belum pernah dididik di seminari, dan belum memenuhi persyaratan kanonik, masa pembinaan, pendidikan, dan kemampuan pastoral?" tanya Uskup Alfonse seraya mengatakan, pentahbisan Yohanes adalah "skandal yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam sejarah Gereja Vietnam." — ucanews.com

Kesaksian paderi selepas gempa bumi di Syria: Kami menyaksikan kematian di hadapan kami

ALEPPO, Syria: Fr Fadi Najjar, paderi Katolik Yunani, yang melayani di Aleppo, Syria menceritakan bagaimana dia dan komunitinya menghadapi kematian dan kehancuran akibat gempa bumi yang melanda Syria dan Turki pada Februari 6 lalu.

Paderi itu menjelaskan bahawa sejak gempa pada Feb 6, "Orang-orang berada di luar sepanjang malam, mereka meninggalkan rumah mereka" jadi "sampai sekarang kami masih tidak dapat tidur, kerana setiap jam, kami menerima orang-orang di paroki kerana kami mengalami gempa susulan selama 24 jam."

Najjar mengatakan bahawa "banyak bangunan yang rosak dan hancur."

Najjar, 40, adalah paderi paroki Gereja St. Michael di Aleppo, di mana dia melayani sekitar 200 keluarga dan memimpin sekolah Al-Inaya yang dihadiri lebih 300 orang pelajar.

Fr Najjar juga amat 'terpukul' kerana kehilangan seorang pa-



Patung Bunda Maria di reruntuhan katedral Alexandria, Turki, Feb 6, 2023.

deri dari komuniti kami," kata Najjar kepada Keuskupan Agung Valencia, Sepanyol, dalam sebuah pernyataan.

"Saya tidak tahu berapa jumlah rasmi yang maut, atau persis angka resminya, tapi kita berbicara tentang ribuan kematian, ribuan yang cedera parah dan ramai orang yang kehilangan rumah," katanya.

Laporan baru-baru ini menyatakan gempa bumi tersebut telah mencatatkan lebih 40,000 kematian.

Harapannya jauh dari membaik, kerana keadaan semakin fatal, "Ketika ini di Aleppo sangat dingin, telah turun hujan selama lima atau enam hari, dan ini memperburuk situasi."

Najjar pernah meraih mendalami teologi di Granada, Sepanyol, dan bekerja di negara asalnya Syria sebagai ketua gerakan Pemuda Pelajar Kristian.

Seruan terakhirnya adalah: "Mohon bergabung bersama dalam doa; tolong doakan kami." — CNA

Kaum muda harus jadi misionari martabat manusia!

VATIKAN: Kaum muda harus menjadi "misionari martabat manusia" untuk memerangi perdagangan manusia dan segala bentuk eksploitasi, kata Sri Paus Fransiskus.

Pesan Sri Paus untuk Hari Doa dan Kesedaran Antarabangsa Menentang Perdagangan Manusia, yang diperingati pada Februari 8, ditujukan kepada kaum muda. Prelatus itu mendorong mereka untuk membangun rasa martabat mereka sendiri dan peduli terhadap martabat setiap orang yang mereka temui.

"Perdagangan manusia menodai martabat. Eksploitasi dan penaklukan menyekat kebebasan dan mengubah orang menjadi objek untuk digunakan dan dibuang," kata Sri Paus dalam pesannya.

"Sayangnya, perdagangan manusia semakin berada di tahap yang



Gambar poster anti perdagangan manusia yang pernah digunakan di Roma, Itali pada tahun 2016.

menakutkan, mengancam semua kita khususnya para migran, wanita dan kanak-kanak serta orang muda seperti anda, orang yang penuh

mimpi dan keinginan untuk hidup bermartabat."

Buat pertama kalinya sejak hari doa ditetapkan oleh Sri Paus

Fransiskus tahun 2015, perwakilan orang muda dari organisasi anti-perdagangan manusia di seluruh dunia berkumpul di Roma untuk

menyertai sesi latihan tentang cara mencegah perdagangan manusia dengan lebih baik.

Talitha Kum, sebuah jaringan payung dari organisasi anti-perdagangan manusia, mengendalikannya latihan tersebut.

Seramai 15 perwakilan kaum muda berusia 18 hingga 35 tahun berpartisipasi dalam doa ekumenis di Roma pada Februari 6, serta ziarah doa pada Februari 8 dengan peserta dari 50 negara dan semua benua.

Sr Abby Avelino, MM, koordinator Talitha Kum Internasional, mengatakan bahawa mendidik orang muda adalah keutamaan mereka dalam memerangi perdagangan kerana orang muda itu sendiri seringkali menjadi target para pelaku perdagangan manusia. — media Vatikan

Perjalanan 40 hari Pra-Paskah

Minggu Pertama Pra-Paskah ...

TARIKH	RENUNGAN	AKTIVITI
HARI MINGGU PRA-PASKAH 1 Feb 26, 2023 <i>Kej 2:7-9; 3:1-7</i> <i>Rom 5:12-19</i> <i>Mat 4:1-11</i>	Manusia dicipta dari tanah liat. Tanah liat melambangkan kerapuhan kita sebagai manusia. Yesus memberi teladan hebat untuk melawan 'kerapuhan' dari digoda iblis iaitu sentiasa dekat dan percaya kepada Tuhan. Mari kita setia kepada Tuhan, agar seperti Yesus, kita kuat melawan percubaan.	Mendoakan intensi Sri Paus Fransiskus bagi bulan Februari: bagi paroki-paroki agar berjalan bersama dalam semangat Gereja Sinodal.
Feb 27, 2023 (Isnin) <i>Im 19: 1-2, 11-18</i> <i>Mat 25:31-46</i>	Kasih kepada sesama akan menjadi lebih kuat apabila ia diungkapkan bersama. Pengadilan terakhir menunjukkan kita akan dihakimi berdasarkan perlakuan kasih kita terhadap sesama!	Bebaskan diri kita dari pemikiran negatif hari ini. Berusahalah untuk senyum kepada semua orang yang kita temui hari ini.
Feb 28, 2023 (Selasa) <i>Yes 55:10-11</i> <i>Mat 6:7-15</i>	Jika kita menolak untuk mengampuni maka hati kita juga tertutup sehingga pengampunan Tuhan untuk kita tidak akan dapat bekerja dengan efektif (Mat 6: 7-15)	Hapuskanlah kesombongan dalam diri, maafkan mereka yang telah menyakiti hati kita.
Mac 1, 2023 (Rabu) <i>Yunus 3:1-10</i> <i>Luk 11:29-32</i>	Yesus mengingatkan kita agar tidak menjadi peribadi yang menghakimi dan menuduh, hanya kerana mereka melakukan sesuatu yang buruk.	Mohonlah doa bagi jiwa-jiwa di api penyucian.
Mac 2, 2023 (Khamis) <i>Est 4:17</i> <i>Mat 7:7-12</i>	Untuk melakukan kebaikan, kita perlu bantuan daripada Roh Kudus. Tuhan menjanjikan akan memberi apa yang kita doakan. "Mintalah maka kamu akan mendapat ..." (Mat 7:7)	Luangkan masa untuk membaca Alkitab hari ini.
Mac 3, 2023 (Jumaat) <i>Ez 18: 21-28</i> <i>Mat 5: 20-26</i>	Masa pertobatan adalah masa penuh rahmat bagi kita orang beriman. "Jikalau orang fasik bertobat dari segala dosa yang dilakukannya ...serta melakukan keadilan ...dia pasti hidup, dia tidak akan mati" (Yeh 18:21)	Lakukan Ibadat Jalan Salib bersama keluarga.
Mac 4, 2023 (Sabtu) <i>Ul 26: 16-19</i> <i>Mat 5: 43-48</i>	Yesus tidak mahu kita mengashi orang-orang yang baik terhadap kita. Dia mahu kita melangkui lebih jauh iaitu mengashi musuh dan mereka yang membenci kita. Jangan takut untuk mengashi kerana Tuhan menyertai kita!	Rancanglah untuk melawat seseorang yang terabai hari ini bersama keluarga: Contohnya penghuni pusat serenti, atau warga tua yang tinggal sendirian.

● Lakukan renungan dan aktiviti bagi Hari Minggu Pertama Pra-Paskah, secara peribadi, bersama keluarga atau KKD/KED. Renungan Hari Minggu dan Minggu Kedua Pra-Paskah akan disiarkan pada keluaran akan datang.

MAKANAN UNTUK JIWA

Iman ialah kisah cinta kita dengan Tuhan

VATIKAN: Bagaimana mempunyai iman yang teguh dan membalas kasih Tuhan dijawab oleh Sri Paus Fransiskus semasa memimpin doa Angelus pada Feb 12 lalu.

Katanya, "Yesus memberi penekanan bahawa peraturan agama adalah perlu. Peraturan agama yang diberikan oleh Yesus adalah baik dan harus ditaati."

Kata kunci dari petikan Injil pada hari tersebut dipetik dari Injil Matius 5:17, "Janganlah kamu menyangka bahawa Aku datang untuk menghapuskan hukum taurat dan kitab para nabi. Aku datang bukan untuk meniadakannya tetapi untuk menggenapi."

Yesus menerangkan tidak cukup untuk menjalani kehidupan yang hanya menghormati undang-undang. "Jangan hanya menahan diri dari membunuh, menyakiti dengan kata-kata juga harus dihindari.

Jangan hanya menahan diri daripada melakukan zina tetapi tolaklah juga hidup yang berpura-pura, munafik dan penuh kesombongan.

"Perintah-perintah yang Tuhan berikan kepada kita tidak boleh dituruti secara harfiah, ia harus difahami dalam terang kasih Tuhan." kata Sri Paus.

Bapa Suci mengingatkan bahawa iman bukan sekadar dipatuh pada tahap minimum. "Yesus mengajak kita untuk bercita-cita maksimum yang mungkin. Tuhan tidak mengashi kita berdasarkan pengiraan atau



Gambar ilustrasi: Seorang kanak-kanak dari Ukraine memeluk Bapa Suci Fransiskus di Dataran Sto Petrus.

berkala. Dia mengashi kita, meskipun kita lemah dan terbatas. Tidak ada tempoh luput dalam kasih Tuhan terhadap kita."

Bapa Suci seterusnya meminta umat beriman untuk bertanya kepada diri sendiri bagaimana mereka dapat menghidupi iman mereka?

Fikirkan apakah kita tidak bersalah ketika kita berpura-pura baik di hadapan orang? Apakah kita mengashi Tuhan, sesama dan alam ciptaan Tuhan dengan segenap

hati kita? Adakah kita memaafkan orang lain yang hanya baik terhadap kita dan menganggap, tidak salah membenci mereka yang menyakiti hati kita?

Setiap hari, periksalah hati dan tingkah laku kita, adakah kita sekadar mematuhi perintah Tuhan tetapi tidak berbelas kasihan?

Beginilah caranya kita dapat memastikan kita berada pada landasan iman yang betul, jelas Bapa Suci. — media Vatikan

PENULIS BERKICAU

Siapa kata warga tua tidak berguna?

Pada akhir tahun 2022 dan Januari 2023, ramai orang tua yang saya kenali, satu persatu meninggal dunia.

Saya amat menghargai jasa-jasa mereka. Mereka telah menunjukkan bagaimana iman telah mengubah hidup mereka, membantu anak-anak mereka menjadi orang berjaya dan bagaimana mereka menjadi berkat kepada orang lain.

Salah seorang tua yang meninggal dunia pada awal tahun ini ialah wali pembaptisan saya. Antara pesan sederhananya kepada saya yang masih saya ingati sehingga sekarang ialah:

- Ketika menghadiri perayaan Ekaristi, jangan suka duduk di belakang. Nanti diganggu iblis.
- Biar dianiaya, jangan membalas, Tuhan tahu segala-galanya.
- Pengarang hidup ini ialah Tuhan. Semuanya akan baik-baik sahaja.
- Lihat betapa perkasanya Tuhan kita. Dia tidak mati. Dia hidup!

Ketika saya melayani di tempat asing, ketika saya bertemu dengan orang-orang yang tidak dikenali, ketika dalam percubaan, nasihat-nasihat daripada warga tua ini umpama Katekismus Gereja Katolik yang hidup bagi saya.

Warga tua ini yang terabai, bukan satu isu baru pada masa sekarang. Kita sering mendengar kisah-kisah memilukan tentang warga emas yang ditinggalkan, hidup kesepian dan miskin. Ini belum lagi kisah orang tua yang lanjut usia, dijadikan penjaga anak kecil atau pembantu rumah.

Meskipun mereka sering diabaikan tetapi tanpa diketahui oleh anak-anak mereka sendiri, perkara pertama yang mereka lakukan semasa bangun pagi ialah mendoakan keselamatan dan kesejahteraan anak cucu mereka.

Tidak seperti masyarakat moden sekarang, mungkin perkara pertama yang mungkin kita lakukan ketika bangun tidur ialah membaca mesej di handphone atau memikirkan di mana boleh makan sarapan yang lazat?

Sri Paus Fransiskus dengan lantang pernah mengatakan, "Di mana warga tua tidak dihormati, di sana tidak ada masa depan bagi kaum muda."

Seorang yang lanjut usia, merupakan peribadi yang memiliki tubuh, jiwa, dan roh. Hentikan gurauan-gurauan seperti, "kenapa kamu berpakaian seperti orang tua?" atau "kamu hodoh macam orang tua!"

Suatu hari nanti, yang muda akan melalui fasa lanjut usia. Kesihatan kita akan merosot suatu hari nanti. Kekuatan dan tenaga kita pasti akan lemah mengikut usia kita.

Oleh itu, mari berdamai dengan orang-orang tua yang masih ada di sekeliling kita. Belajar daripada mereka, menjaga dan memberi perhatian kepada mereka dengan konkrit.

Sempena musim Pra-Paskah ini, tidak perlulah menunggu paderi untuk menyeru kita melawat orang-orang tua yang terabai. Seperti Bonda Maria yang bergegas mengunjungi saudaranya Elisabet, mari kita bangun, tanpa bertangguh untuk melawat serta mengambil tahu mereka yang terabai ini.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Memartabatkan maruah insan melalui pendidikan



Konferensi AMOS 5 melihat solusi dan bagaimana membantu kanak-kanak migran mendapat akses pendidikan.

KENINGAU: Memberi pelayan pendidikan kepada kanak-kanak migran di Sabah merupakan fokus konferensi AMOS kali kelima di Sabah. Keuskupan Keningau menjadi tuan rumah konferensi AMOS, yang melibatkan tiga keuskupan di Sabah, pada Feb 2-4, 2023 di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal.

Dengan tema “Memartabatkan Maruah Insan Melalui Pendidikan”, seramai 120 perwakilan yang terdiri daripada tiga orang Uskup/Agung Sabah, para paderi, religius dan umat awam, mengupas isu serta mencari penyelesaian berkaitan pelayan pendidikan bagi kanak-kanak migran Indonesia di Sabah.

Konferensi ini dimulakan dengan

Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong, diikuti sesi “Imbasan penganjuran AMOS” yang memaparkan konferensi-konferensi AMOS

Pada keesokan harinya, para perwakilan mengikuti sesi bersama panel jemputan daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRIKK), Suhkam Malaysia dan Akademik-NGO daripada Universiti Malaysia Sabah.

Panel pertama Tuan, Hj. Abdul Sani bin Paijo, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah berfokus kepada pengurusan hal ehwal guru dan murid warganegara dan kanak-kanak

warga tanpa dokumen serta kanak-kanak bukan warganegara yang memohon belajar ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Manakala wakil dari Konsulat Jenderal Republik Indonesia, Sdra Nasrullah Ali Fauzi, Koordinator Perhubungan *Community Learning Center* (CLC) Wilayah Kota Kinabalu, Sabah menerangkan pelayan pendidikan untuk kanak-kanak Indonesia di Malaysia melalui CLC.

CLC merupakan model berkesan yang diterapkan di Sabah bagi melayani pendidikan anak-anak migran Indonesia, kerjasama bilateral hubungan erat Indonesia-Malaysia sekaligus pengiktirafan pemenuhan hak pendidikan anak sesuai

Konvensi PBB tentang hak kanak-kanak.

Setakat tahun 2020, CLC Sabah mempunyai 97 pusat pembelajaran dengan permit manakala 137 lagi, masih dalam proses permohonan permit. Ia mempunyai 17,326 pelajar dan 266 guru yang dihantar khas oleh Kerajaan Indonesia, dan selebihnya mereka yang telah lama berada di Sabah.

Difahamkan, CLC Keningau mempunyai pelajar migran paling ramai yang berusia tujuh hingga 15 tahun.

Fr. Ronney Mailap dari Keuskupan Keningau mengajukan cadangan membantu kanak-kanak migran mendapat pendidikan ialah dengan mempromosi kepentingan

mematuhi undang-undang perkahwinan di kalangan migran.

Ini adalah kerana sijil perkahwinan yang sah, diperlukan untuk permohonan sijil kewarganegaraan dan akses pendidikan anak-anak mereka.

Melalui Konferensi AMOS kali ini, para perwakilan dapat melihat pelbagai masalah berkaitan pelayan pastoral untuk golongan migran misalnya kekurangan tenaga pengajar, ketiadaan fasiliti dan ruang pembelajaran yang sempit.

Poster rasmi AMOS keenam dilancarkan pada akhir konferensi dan Keuskupan Sandakan diumumkan sebagai tuan rumah konferensi AMOS keenam pada tahun 2025. – *Didiroy Joneh*

Uskup Sebastian Francis, dilantik jadi Pengerusi Jabatan Komunikasi Sosial FABC yang baru

PULAU PINANG: Uskup Pulau Pinang, Rt. Rev. Sebastian Francis telah dilantik sebagai Pengerusi Jabatan Sosial Komunikasi (OSC) bagi Pejabat Federasi para Uskup Asia (FABC).

Hal ini diumumkan oleh Presiden FABC, Kardinal Charles Bo, dalam surat ucapan tahniah beliau kepada Uskup Sebastian, bertarikh 13 Februari 2023.

Pelantikan Uskup Sebastian ini berkuatkuasa pada Januari 1, 2023 selama tiga tahun.

“Saya mengucapkan terima kasih di atas kerelaan anda menerima jawatan ini demi pelayan episkopal di Asia.”

“Saya yakin, bersama dengan para Uskup lain dan Setiausaha Eksekutif OSC FABC, anda akan dapat memimpin dan membimbing OSC bagi meluaskan misi pelayan komunikasi sosial di Asia,” tulis Kardinal Bo



dalam warkah ucapan tahniah beliau.

Salah satu tanggungjawab penting OSC FABC ialah menguruskan dan memantau Radio *Veritas Asia* (RVA).

“Saya yakin, dengan pengalaman dan kepakaran, anda akan dapat membawa RVA untuk melaksanakan misi pewartaan Khabar Gembira kepada umat di Asia.”

“Sebagai Gereja sejagat, melalui magisterium, semoga pelayan anda dapat memberi penekanan berat tentang komunikasi sosial dalam misi Gereja, mari kita berusaha menjadikan OSC, alat yang berkesan dan bertenag dalam memperkasakan pelayan episkopal Gereja Asia.”

Pada akhir surat itu, Kardinal Bo berdoa agar Tuhan mencurahkan kebijaksanaan dan keberanian kepada Uskup Sebastian untuk memikul tanggungjawabnya sebagai ketua jabatan OSC FABC.

Pemimpin Katolik Korea Selatan kunjungi Keuskupan Melaka-Johor



MAJODI, Plentong: Uskup Simon Ju-young Kim dari Keuskupan Chuncheon, Korea Selatan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Uskup Bernard Paul di Pusat MAJODI, pada Februari 3 lalu.

Pertemuan pertama kedua-dua pemimpin Katolik itu diadakan di Pejabat Uskup sebelum Uskup Bernard mengiringi Uskup Simon dan rombongannya ke Pusat Warisan dan Sejarah Melaka-Johor yang terletak di Premis Pusat MAJODI. Uskup Simon datang ke Keuskupan Melaka-Johor bagi melawat ko-

muniti Katolik Korea Johor dan merayakan Misa Kudus Krisma bagi 15 orang Krismawan.

Prelatus dari Korea Selatan itu menyatakan rasa gembira semasa lawatannya dan amat menghargai persahabatan serta sambutan mesra Uskup Bernard.

“Ramai orang Korea telah menjadikan tempat ini sebagai rumah mereka dan kita harus menjaga keperluan pastoral mereka.”

Uskup Bernard yang gembira menerima kunjungan Uskup Simon dan rombongannya mengatakan, “ini adalah gambaran

gereja sinodal di mana kita harus komited untuk menjadi Gereja Asia yang berjalan bersama.”

Ketua komuniti Katolik di Johor, Sdra Simon Oh Hyun Sik berkata, “komuniti Katolik Korea Selatan sangat gembira berjalan bersama dengan komuniti Katolik Melaka Johor.

“Pertemuan dua orang Uskup ini bukan sekadar berjabat tangan tetapi meneguhkan lagi hubungan antara komuniti kita. Mungkin Uskup Bernard dapat melawat Uskup Simon di Korea Selatan suatu hari nanti,” kata Simon Oh Hyun Sik.